

# JABATAN ALAM SEKITAR PERLIS



# BULETIN



BIL.3/2020



INFORMASI TERKINI SEPANJANG JULAI ~ SEPTEMBER 2020

## Aktiviti Jabatan Alam Sekitar Perlis sepanjang bulan Julai hingga September 2020



Anugerah Pekerja Contoh dan Prestasi Terbaik Penguatkuasaan bagi Suku kedua Tahun 2020 di sandang oleh Encik Ahmad Bin Bakar dan Puan Noorasmawati Binti Ariffin daripada Bahagian Operasi 2 pada 16 Julai 2020 oleh Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis .



Taklimat sebutbarga perkhidmatan mencuci dan membersih pejabat pada 15 Julai 2020 oleh Puan Sharifah Binti Shaari ,Ketua Kerani (CC) di Jabatan Alam Sekitar Perlis



Ceramah Agama Bertajuk "Kursus Pengurusan Jenazah Bil.2 oleh Ustaz Hanafy Zakaria pada 24 Julai 2020 di Jabatan Alam Sekitar Perlis



Mesyuarat Pagi Jabatan Alam Sekitar Perlis Bil. 4/2020 pada 7 Ogos 2020

Silatulahim dalam sebuah hadis Rasulullah bersabda bahwa, *“Engkau menyembah Allah dan tidak menyekutukannya dengan sesuatu pun, mendirikan solat, menunaikan zakat, dan menyambung silaturahmi”.* (HR Bukhari).



3 Julai 2020

Kunjungan Pengarah Kastam pada 3 Julai 2020 di Jabatan Alam Sekitar Perlis

Kunjungan Pengarah Jabatan Keselamatan & Kesihatan UniMAP Perlis pada 6 Julai 2020



9 Julai 2020



6 Julai 2020

Kunjungan Pengarah Yayasan Islam Perlis pada 9 Julai 2020 di Jabatan Alam Sekitar Perlis



11 Ogos 2020

Sidang Dun, Pengarah JAS Perlis pada 11 Ogos 2020



Heritage Resort Melaka pada 19 Ogos 2020



28 Ogos 2020

Perasmian penutupan Ops Gempur Zon Utara di Negeri Perak pada 28 Ogos 2020



# Operasi Ops Gempur JAS Perlis

Operasi Ops Gempur JAS Negeri Perlis Bil.2/2020 telah diadakan pada 14 hingga 16 Julai 2020 ke atas premis-premis yang terletak di negeri Perlis. Ops ini melibatkan keseluruhan tenaga bahagian penguatkuasaan JAS Negeri Perlis seramai 6 orang yang dibahagikan kepada 2 kumpulan.

Hasil operasi kali ini telah berjaya membuat pemeriksaan ke atas 19 premis dan tindakan penguatkuasaan yang diambil terhadap premis adalah Arahan Lapangan (19), Notis Arahan (3) dan Kompaun (1). Selain itu, sebanyak 2

percontohan air telah diambil di premis yang diperiksa dan telah dikemukakan ke Jabatan Kimia untuk dianalisa. Pematuhan premis terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 menunjukkan sedikit peningkatan berbanding Ops yang lepas iaitu sebanyak 14 kompaun dan 11 notis arahan telah dikeluarkan.



Sesi Libat Urus JAS Perlis bersama Operator-Operator Loji Rawatan Air Negeri pada 20 Julai 2020 – YBrs

Tuan Haji Azman Shah Bin Ismail, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis telah mempengerusikan Mesyuarat


Penyelarasan Pematuhan Loji Rawatan Air Di Negeri Perlis bertempat di Dewan Mesyuarat Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis. Mesyuarat ini membincangkan tentang isu-isu berkaitan pengurusan buangan terjadual dan pematuhan



pelepasan effluen dari premis. Antara agensi-agensi yang terlibat adalah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Syarikat Air Perlis (SAP), Taliwork Sdn. Bhd dan Prisma Karun Sdn Bhd.

## Operasi Ops Gempur & Pembentangan Kertas Kerja Mengenai Perundangan Berkaitan Pembakaran Terbuka di Negeri Perlis

07 Ogos 2020, Perlis - Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis telah membentangkan kertas kerja mengenai Perundangan Berkaitan Pembakaran Terbuka semasa Mesyuarat JK AMMK Sumber Asli Dan Alam Sekitar Negeri Perlis @ Mesyuarat JK Tetap Tindakan Alam Sekitar Bil 1/2020 . Tujuan pembentangan ini dibuat bagi menyusun strategi dan pendekatan dalam menangani isu berkaitan pencemaran udara khusus yang melibatkan pembakaran terbuka di negeri Perlis. Antara resolusi yang dicapai adalah pembentukkan JK sekteriat berkaitan Pembakaran Terbuka yang akan di Pengerusikan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis.



Operasi Ops Gempur JAS Negeri Perlis Bil.3/2020 pada 11 hingga 13 Ogos 2020 ke atas premis-premis yang terletak di negeri Perlis. Ops ini melibatkan keseluruhan tenaga bahagian penguatkuasaan JAS Negeri Perlis seramai 6 orang yang dibahagikan kepada 2 kumpulan.

Hasil operasi kali ini telah berjaya membuat pemeriksaan ke atas 19 premis dan tindakan penguatkuasaan yang diambil terhadap premis adalah Arahan Lapangan (19), Notis Arahan (8) dan Kompaun (14).



# Operasi Ops Gempur JAS Perlis

Operasi Ops Gempur JAS Negeri Perlis Bil.4/2020 diadakan pada 8 hingga 10 September 2020 ke atas premis-premis yang terletak di negeri Perlis. Ops ini melibatkan keseluruhan tenaga bahagian penguatkuasaan JAS Negeri Perlis seramai 6 orang yang dibahagikan kepada 2 kumpulan.

Hasil operasi kali ini telah berjaya membuat pemeriksaan ke atas 19 premis dan tindakan penguatkuasaan yang diambil terhadap premis adalah Arahan Lapan-gan (19), Notis Arahan (6) dan Kompaun (6).

Diharapkan dengan Ops Gempur ini dan tindakan penguatkuasaan yang dijalankan dapat meningkatkan pematuhan sendiri oleh semua pihak khususnya industri supaya operasi di premis mereka adalah sentiasa mengikut kehendak perundingan dan memastikan kepentingan alam sekitar diberi perhatian serius oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Ops ini telah berjaya dilaksanakan dan mencapai objektifnya. Siri penguatkuasaan akan terus dijalankan sepanjang masa.



Aduan pencemaran sungai di Tambun Tulang pada 11 September 2020. Pegawai daripada Unit Aduan JAS Perlis telah membuat pemantauan dan pengambilan bacaan insitu dengan menggunakan alat YSI serta sampel pencemaran untuk dianalisa oleh pihak JKM Malaysia.



Edaran risalah larangan pembakaran terbuka oleh Unit Aduan JAS Perlis pada 7 September 2020 kepada wakil premis barangan lusuh.

## PELAKSANAAN PROGRAM AUDIT PENGUATKUASAAN EIA

PERLIS, 27-28 Julai 2020- Unit Post-EIA Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis telah terlibat pengauditan program penguatkuasaan EIA oleh JAS Ibu Pejabat. Pengauditan ini bertujuan memastikan tindakan penguatkuasaan EIA adalah mengikut Prosedur Tetap Operasi (SOP) dan keberkesannya. Mesyuarat pembukaan audit telah dipengerusikan oleh Tuan Pengarah Hj. Azman Shah bin Ismail dan pasukan auditor diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah En. Mohd Suhaimi bin Azmi serta pegawai Bahagian Penilaian JAS Ibu Pejabat



Kerja-kerja penguatkuasaan di bawah syarat-syarat kelulusan EIA telah dilakukan di salah satu projek di Mukim Jejawi & Sg Adam, Arau, Perlis. Secara keseluruhannya pasukan penguatkuasa EIA JAS Negeri Perlis telah mengikut prosedur sepertimana yang dinyatakan dalam SOP Penguatkuasaan EIA.

### PEMERIKSAAN DAN PENGENDALIAN DRON DI TAPAK PROJEK EIA.

PERLIS, 26 OGOS 2020- Siasatan penguatkuasaan di bawah syarat-syarat kelulusan EIA telah dilaksanakan di projek Chuping, Perlis. Penguatkuasa dari JAS Perlis turut memantau langkah-langkah kawalan hakisan dan kelodakan (BMPs) di tapak projek. Siasatan juga turut disertai wakil pemaju, Environmental Officer dan penggerak projek.



Pengendalian dron turut digunakan di tapak projek bagi membantu pegawai dalam menyelesaikan kerja yang dihadapi ketika menjalankan pemeriksaan dan pemantauan keseluruhan kerja-kerja tanah di tapak projek.



## PELAKSANAAN PENGUATKUASAAN EIA

PERLIS, 21 September 2020- Mesyuarat Terms Of Reference Adequacy Check (TORAC) dan lawatan tapak bagi cadangan projek The Construction And Completion Of A Sewage Treatment Plant (STP) For Chuping Valley Industrial Area (CVIA), Chuping, Perlis telah di adakan di Bilik Mesyuarat Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis. Mesyuarat dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis, Tuan Haji Azman Shah Bin Ismail. Turut dihadiri pemaju, juruperunding, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Perlis, Majlis Perbandaran Kangar, Indah Water Konsortium dan PlanMalaysia.



**PEMERIKSAAN OLEH PEGAWAI JAS PERLIS DI TAPAK PROJEK EIA.**  
 PERLIS, 23 September 2020- Unit Post-EIA telah menjalankan siasatan penguatkuasaan syarat-syarat kelulusan EIA di tapak projek EIA di Negeri Perlis. Pemeriksaan di tapak projek ini adalah bertujuan untuk melihat pematuhan kerja-kerja tanah dan memastikan pemaju serta penggerak projek mematuhi syarat-syarat kelulusan EIA yang diluluskan oleh JAS Perlis. Pegawai JAS juga turut memantau langkah-langkah kawalan hakisan dan kelodakan (BMPs) di tapak projek.



## PROGRAM KIBARKAN JALUR GEMILANG BERSAMA YB ADUN INDERA KAYANGAN SEMPENA BULAN KEMERDEKAAN



PERLIS, 26 OGOS 2020 – Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis telah menerima jemputan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri dari DUN Indera Kayangan untuk turut serta memasang jalur gemilang di Bulatan Bukit Lagi, Kangar. Program ini telah dibuat secara santai dengan penhglibatan dengan beberapa agensi lain seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan Negeri Perlis, PERKESO dan Persatuan Prihatin Negara serta Persatuan Berbasikal Negeri Perlis.

Sebanyak 63 bendera telah dipasang sebagai simbolik 63 tahun ulang tahun kemerdekaan negara dengan bersemangatkan tema Malaysia Prihatin bagi menghargai keprihatinan, kesungguhan dan ketabahan warga Malaysia dalam mengharungi cabaran dan dugaan pandemic Covid-19.



Semoga usaha dan sumbangan kecil ini dapat sama-sama meningkatkan semangat kemerdekaan terutama di dalam kesejahteraan

dan kebajikan rakyat secara amnya.



# Operasi Bersepadu (Ops Gerak) JAS Perlis



Operasi Bersepadu (OPS GERAK) Jabatan Alam Sekitar (JAS ) Negeri Perlis bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada 22 Julai 2020. Operasi ini telah melibatkan 10 anggota daripada JAS dan 7 anggota daripada PDRM Perlis.




Operasi Bersepadu Jabatan Alam Sekitar (JAS ) Negeri Perlis bersama Agensi Kawalan Sempadan (AKSEM) pada 17 Ogos 2020. Operasi ini telah melibatkan 7 anggota daripada JAS dan 5 anggota daripada AKSEM.



Operasi Bersepadu (OPS GERAK) Jabatan Alam Sekitar (JAS ) Negeri Perlis bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada 19 Ogos 2020. Operasi ini telah melibatkan 8 anggota daripada JAS dan 7 anggota daripada PDRM Perlis.



# Operasi Bersepadu (Ops Gerak) JAS Perlis



Operasi Bersepadu (OPS GERAK) Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Perlis bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) Padang Besar pada 23 September 2020. Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis telah menjalankan operasi Ops Perdagangan (Ops Gerak) bersama-sama dengan PDRM Padang Besar di Km 14, Jalan Kangar - Padang Besar bermula jam 10.00 pagi. Operasi ini telah melibatkan 7 anggota dari JAS Perlis dan 8 anggota dari PDRM Padang Besar, Kangar. JAS Perlis telah menjalankan penguatkuasaan bagi pematuhan kawalan pelepasan daripada enjin diesel. Sebanyak 55 kenderaan diesel pelbagai jenis telah melalui pemeriksaan dan 21 buah kenderaan diuji. Daripada jumlah yang diuji, dua (2) tawaran kompaun telah dikeluarkan.



## OPERASI BERSEPADU (OPS GERAK) JAS NEGERI PERLIS BERSAMA JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA PERLIS

24 September 2020, Perlis - Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis telah menjalankan operasi Ops Gerak bersama-sama dengan Jabatan KASTAM DiRaja Malaysia di Km 26, Jalan Kuala Perlis - Changlun bermula jam 10.00 pagi.

Operasi ini telah melibatkan 6 anggota dari JAS Perlis dan 7 anggota dari Jabatan KASTAM. JAS Perlis telah menjalankan penguatkuasaan bagi pematuhan kawalan pelepasan daripada enjin diesel.



## PEMANTAUAN PENYELENGGARAAN DALAMAN TELAGA PENGAWASAN AIR BAWAH TANAH JAS PERLIS

PERLIS - Sebanyak empat (4) buah stesen pemantauan air bawah tanah telah selesai diselenggara oleh pihak kontraktor pada 10 & 11 Ogos 2020.


Aktiviti penyelenggaraan dalaman telaga ini adalah bagi memastikan kualiti persampelan air bawah tanah yang diambil. Pasukan Unit Pendidikan dan Pengawasan JAS Perlis turut serta di dalam pemantauan kerja-kerja penyelenggaraan dalaman telaga tersebut.




Kerja-Kerja Pengawasan dan pengambilan sampel air tanah dijalankan oleh Unit Pendidikan dan Pengawasan JAS Perlis setiap empat kali setahun. Pengawasan dan pemantauan dijalankan pada 22 September 2020 adalah kali ke-3 bagi tahun 2020.



## PEMANTAUAN SUNGAI PERLIS DAN PEMBELAJARAN PENGUNAAN DAN KALIBRASI ALAT YSI



Tinjauan dan pemantauan kes susulan aduan ikan mati di sungai Kampung Tambun Tulang Perlis oleh Unit Pendidikan dan Pengawasan pada 14 dan 15 September 2020 di sepanjang sungai tersebut .



Taklimat dan “hand On” Kalibrasi Multiprobe YSI oleh Pn. Faiizah binti Md Arshad Unit Pendidikan dan Pengawasan JAS Perlis kepada staf di Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis pada 24 Julai 2020

# Sambutan Hari Ozon Antarabangsa

Perlis, 18 September 2020 - Bertepatan dengan Sambutan Hari Ozon Antarabangsa yang disambut pada 16 September setiap tahun, Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis telah melancarkan program Go-Green dalam kampus bagi memberikan kesedaran kepada pelajar baru yang mendaftar di kampus tentang kepentingan menjaga alam sekitar sepanjang pengajian di dalam Kampus IPG Perlis.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis melalui Unit Pendidikan dan Pengawasan Kualiti Alam Sekitar telah dijemput untuk menyampaikan ceramah khusus tentang Pengurusan Buangan Elektrik dan Elektronik (e-waste) Yang Selamat dan Kesan Kepada Lapisan Ozon serta Alam Sekitar di dalam membudayakan amalan hijau di kalangan warga Kampus Lestari di dalam IPG Kampus Perlis. Ceramah telah disampaikan oleh Puan Faiizah binti Md Arshad kepada 200 orang yang terdiri daripada para pensyarah dan pelajar.



## PROGRAM GO GREEN INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS PERLIS

JAS Perlis juga telah membuka pameran bagi memberi lebih pendedahan tentang fungsi dan aktiviti JAS serta menggalakkan lebih ramai penyertaan Rakan Alam Sekitar di Negeri Perlis pada 16 September 2020.



## PELANCARAN KEMPEN PENGUMPULAN BUANGAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK PERINGKAT NEGERI PERLIS TAHUN 2020

PERLIS, 29 September 2020 - Kempen Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik Peringkat Negeri Perlis telah dilancarkan oleh Yang Berhormat Tuan Tehh Chai Aan, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (AMMK)

Negeri Perlis Sumber Asli dan Alam Sekitar di Pejabat Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis. Kempen ini dianjurkan bagi memberi pendedahan dan meningkatkan kesedaran kepada orang ramai tentang keperluan menguruskan buangan elektrik dan elektronik dengan betul dan dapat dilaksanakan dengan lebih Environmentally Sound Management (ESM). Ia juga diharapkan dapat memupuk dan meningkatkan keprihatinan dan tanggungjawab orang awam dalam memelihara dan memulihara alam sekitar.

Selaras dengan pelaksanaan program pengumpulan e-waste di bawah inisiatif KASA, Kempen Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik Peringkat Negeri Perlis telah dilancarkan bersempena sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2020. Per-

tandingan pengumpulan buangan elektrik dan elektronik juga telah dianjurkan di peringkat sekolah dan institusi pengajian awam adalah bagi memberi pendedahan kepada semua lapisan masyarakat tentang bahaya pelupusan buangan elektrik dan elektronik tanpa kawalan yang akan menjejaskan alam sekitar. Aktiviti di peringkat komuniti juga sedang dirancang bagi memberi pendedahan secara berterusan tentang pengurusan buangan elektrik dan elektronik yang selamat.



## Program Kesedaran Sistem Online Jabatan Alam Sekitar Sempena Hari Ozon Sedunia Peringkat Negeri Perlis Pada 29-30 September 2020



Sempena Hari Ozon Sedunia Peringkat Negeri Perlis ceramah berkaitan dengan sistem online Jabatan Alam Sekitar dipekenalkan kepada agensi luar dan staf JAS Perlis . Program ini dijalankan selama 2hari iaitu pada 29 dan 30 September 2020 di Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis.

# Program “WORLD CLEAN UP DAY” Peringkat Negeri Perlis pada 19 September 2020 di Pesisiran Pantai Kuala Perlis



*"Dari Abu Malik al-As'hari berkata : Sabda Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Kebersihan itu sebahagian daripada iman." Riwayat Imam Muslim*

# Pertandingan Kejuhanan Woodball Liga Piala Tuanku Syed Faizuddin Putra 2020



KANGAR: Kejuhanan Liga Woodball Piala Tuanku Syed Faizuddin Putra (PTSFP) 2020 yang terpaksa ditangguhkan sejak beberapa bulan lalu berikutan pandemik Covid-19 bakal disambung semula 12 September 2020.

12 September 2020 (Team 1 JAS Perlis)



26 September 2020 (Team 2 JAS Perlis)



# Kayuhan Santai Bersama Raja Muda Perlis



Kayuhan bersama DYTM Tuanku Raja Muda Perlis , sekitar Padang Kota dan Jambatan Pulau Pinang kedua ( Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'Adzam Shah ) pada 1 September 2020

Kayuhan bersama DYTM Tuanku Raja Muda Perlis di sekitar Bintong pada 3 September 2020



Kayuhan bersama DYTM Tuanku Raja Muda Perlis di sekitar Unicity UniMAP pada 20 September 2020



Kayuhan bersama DYTM Tuanku Raja Muda Perlis di sekitar Arau pada 22 September 2020



## Sidang Redaksi :-

- Penasihat** : Encik Azman Shah Bin Ismail  
**Ketua Editor** : Encik Mohd Rosli Bin Mohd Nor  
**Editor** : Puan Hafishoh Binti Md Isa  
**Sumber Bahan** : Ketua-Ketua Unit & Pegawai- Pegawai JAS Perlis

## DOA TERHINDAR DARI WABAK PENYAKIT

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْجُنُونِ،  
وَالجُدَامِ، وَالْبَرَصِ، وَسَائِرِ الْأَسْقَامِ

Ya Allah Sesungguhnya aku berlindung dengan Mu daripada penyakit gila, sopak dan sebarang jenis penyakit yang menggerunkan